

## HADITH DALAM MANUSKRIP

### *Umdat Al-Muhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufridin*

Wan Alauddin Wan Yusof<sup>1</sup>, Wan Nasryrudin Wan Abdullah<sup>2</sup>,  
Mohd Syukri Yeoh Abdullah<sup>3</sup>, Afriyanto<sup>4</sup>

1. Jabatan Pengajian al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia.43600, UKM Bangi,

Selangor Darul Ehsan Malaysia

Email: ahuffaz@yahoo.com

2. Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia.43600, UKM Bangi,

Selangor Darul Ehsan Malaysia

Email: tokwedin@ukm.edu.my

3. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),

Universiti Kebangsaan Malaysia.43600, UKM Bangi,

Selangor Darul Ehsan Malaysia

Email: syukri@ukm.edu.my

4. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia.43600, UKM Bangi,

Selangor Darul Ehsan Malaysia

E-mail : afriyantobin\_emrI@yahoo.com

---

**Abstrak** – *Manuskrip “Umdat al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufridin (Kod No. 09/NKI/YPAH/92) adalah sebuah karya agung mufti Kerajaan Aceh Darussalam pada abad ke 17M, iaitu Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Manuskrip ini membicarakan tentang panduan perjalanan rohani seorang salik yang ingin menuju kepada Allah s.w.t dengan bersumberkan nas-nas al-Qur'an dan juga hadith-hadith Nabi s.a.w. Sungguhpun begitu, hadith-hadith yang diungkap tersebut tidak dinyatakan sumber bagi status dan kualitinya. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti hadith-hadith yang di guna oleh Shaykh Abdul Rauf ketika menulis karyanya “Umdat al-Muhtajin agar nilai akademik manuskrip ini terserlah di kalangan masyarakat Alam Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan metode pentakhrijan hadith. Dapatan kajian telah mendapati bahawa kebanyakan hadith yang terdapat di dalam manuskrip ini adalah maqbul dan boleh di gunakan sebagai dalil dan hujah. Sekiranya hadith tersebut adalah da'if sekalipun ia tetap dibolehkan untuk beramal dengannya kerana setengah ulama telah membenarkan beramalnya secara bersyarat, dan jika didapati shawahid bagi hadith tersebut, statusnya akan terangkat kepada hasan li ghairih. Sehubungan itu, manuskrip ini adalah amat sesuai untuk tatapan awam dan juga sebagai bahan kajian dan penyelidikan para pengkaji.*

**Kata kunci:** *Al-Muhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufridin*

---

### I. Pendahuluan

Al-Quran Al-Karim dan juga hadith Nabi s.a.w adalah dua sumber utama dalam penentuan hukum di dalam Islam. Kebenaran al-Quran adalah mutlak dan hakiki kerana Allah s.w.t sendiri telah memberi jaminan tentang pemeliharaan dan penjagaannya daripada di selewengkan, sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا هَنَّ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

Selain itu, Allah s.w.t turut menjelaskan bahawa setiap apa yang dituturkan oleh Nabi s.a.w adalah wahyu daripada-Nya dan bukanlah daripada pendapat dan juga kemahuan Nabi s.a.w. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Najm ayat 3-4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya:

“Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”.

Demikian Allah s.a.w turut menegas dan memerintahkan kita supaya mengikut setiap petunjuk dan ajaran yang di bawa oleh Nabi s.a.w serta menjauhi setiap tegahan dan larangannya. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hashr ayat 7:

وَمَا أَتَنَّكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya:

*Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terima serta amalkan, dan apa jua yang di larangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya*

Dalam pada itu, Imam Malik bin Anas r.a telah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w telah bersabda:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَسْكُنْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya:

“Aku tinggalkan pada kamu dua perkara, sekiranya kamu berpegang teguh dengan kedua-duanya, maka kamu tidak akan sesat untuk selama-lamanya iaitu: Kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya”.

Demikianlah benteng dan sempadan agama yang diajarkan kepada kita dalam kehidupan ini. Dua perkara yang wajib di ‘genggam erat’ untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, iaitu al-Quran dan juga Sunah Nabi s.a.w. Sungguhpun begitu, terdapat segelintir manusia yang cuba untuk menyelewengkan kebenaran hadith Nabi s.a.w dengan mendatangkan hadith-hadith palsu dan juga keraguan terhadap perawi-perawi hadith. Walaupun demikian, Allah tetap memelihara agamanya dengan melahirkan alim ulama untuk mempertahankannya:

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili salah seorang ulama alam Melayu dan pernah memegang jawatan sebagai mufti Kerajaan Aceh Darussalam pada abad ke 17M. Karyanya *‘Umdat al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufridin* yang membincarakan tentang panduan perjalanan rohani seorang salik yang ingin menuju kepada Allah s.w.t banyak menggunakan nas al-Qur'an dan juga hadith Nabi s.a.w. sebagai dalil dan hujah dalam perbahasannya. Penelitian yang dilakukan mendapati bahawa manuskrip ini masih berbentuk asal, ditulis dan disalin dengan tangan. Ia telah tersebar ke seluruh Alam Melayu sebagai panduan rujukan penghayatan kehidupan masyarakat Alam Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Fairuzah dan kawan-kawannya (2011) telah menemukan sebanyak 50 naskhah salinan manuskrip *‘Umdat al-Muhtajin* yang disimpan oleh individu, institusi peribadi dan juga perpustakaan di serata dunia. Antara perpustakaan yang menyimpan naskhah manuskrip ini ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, Perpustakaan Diraja (Royal Library), Berlin dan Perpustakaan Nasional Paris, Perancis, manakala antara koleksi peribadi yang ditemui ialah koleksi Shamsul Anwar dari Banda Aceh, Sumatera, Indonesia. Beliau memiliki sebanyak tiga (3) naskhah manuskrip cUmdat al-Muhtajin. Koleksi kedua ialah koleksi peribadi Ali Hasjmi di Banda Aceh. Jumlah yang sedemikian banyak memperlihatkan bahawa manuskrip ini adalah sangat penting dalam kehidupan masyarakat Alam Melayu abad ke 17M.

Sehubungan itu, penelitian yang dijalankan ini adalah untuk melihat kualiti hadith yang terdapat dalam Manuskrip *‘Umdat al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufridin* karya Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili :

## II. Penaskhahan Teks Manuskrip *“Umdat al-Muhtajin”*

Manuskrip yang menjadi bahan kajian ini adalah manuskrip berkod No. 09/NKI/YPAH/92 yang diperoleh daripada Perpustakaan Ali Hasjmi di Banda Aceh, Indonesia. Teks Manuskrip *“Umdat al-Muhtajin”* ini telah diberi nama oleh Shaykh Abdul Rauf al-Singkili seperti ungkapannya:

Ku namai akan dia dengan *“Umdat al-Muhtajin ila Suluki Maslaki al-Mufridin”*. Ertinya berpegangan segala mereka yang berkehendak kepada menjalani jalan segala orang yang menunggalkan dirinya

Ini jelas bahawa nama penuh bagi teks manuskrip ini adalah *“Umdat al-Muhtajin ila Suluki Maslaki al-Mufridin”* (عِدَةُ الْمُحْتَاجِينَ إِلَى سُلُوكِ مَسْلَكِ الْمُفْرِيِّينَ) yang bermaksud: Teras atau Dasar orang-orang yang berkehendak menuju jalan perjalanan secara menyendirikan (*isim maf’ul*), iaitu orang yang kena buat atau bersendirian. (*isim fa’il*), iaitu pelaku. Kedua perkataan tersebut adalah berasal dari kata dasar أَفْرَدْ yang bermaksud sendiri. Oleh yang demikian, *“Umdat al-Muhtajin”* adalah sebuah kitab mengenai panduan perjalanan ahliiLah kepada Allah SWT.

Manuskrip ini ditulis ketika Shaykh Abd Rauf sedang belajar dengan gurunya, Shaykh Ahmad al-Qushashi di *Haramayn* (Mekah dan Madinah). Penelitian ini adalah berdasarkan kepada:

1. Pergolakan yang berlaku di kalangan ulama Aceh, terutamanya mengenai permasalahan *Wahdat al-Wujud* telah menyebabkan Shaykh Abd Rauf telah merantau ke negara Arab untuk memperdalam ilmu agama dan juga dalam mencari jawapan terhadap permasalahan-permasalahan yang berlaku.
2. Manuskrip *“Umdat al-Muhtajin”* ini bukanlah ditulis kerana perintah daripada Sultanah sebagaimana kitab-kitab yang lain (*Kifayah al-Muhtajin ila Masrab al-Muwahhidin al-Qa’lin bi Wahdat al-Wujud* dan *Mir’at al-Tullab Fi Tashil Ma’rifah al-Ahkam al-Shari’ah Li al-Malik al-Wahhab*), sebaliknya ia di tulis atas kehendak Shaykh Abd Rauf sendiri bagi menjernihkan kembali perjalanan rohani seorang *salik* yang ingin menuju kepada Allah s.w.t. akibat daripada permasalahan *Wahdat al-Wujud*.
3. Sebahagian besar kandungan Manuskrip *“Umdat al-Muhtajin”* ini adalah saduran daripada *Simb al-Majid* (karya gurunya, Shaykh Ahmad al-Qushashi) dan *Tanbih al-Mashi al-Mansub ila Tariq al-Qushashi*. Saduran ini berlaku ketika beliau belajar bersama Shaykh Ahmad al-Qushashi (Mohd Syukri Yeoh Abdullah et al, 2015: 188-189).

Manuskrip *“Umdat al-Muhtajin”* ini telah di temui dalam lima versi, iaitu:

1. Manuskrip Kod No. 09/NKI/YPAH/92 yang diperoleh daripada Perpustakaan Ali Hasjmi di Banda Aceh, Indonesia. Ia dicetak dengan menggunakan kertas Laid Eropah dan tidak ditulis nombor bilangannya bagi setiap halaman, namun setelah dihitung dan disemak, bilangan halaman keseluruhannya berjumlah 74 halaman. Setiap satu halaman mengandungi 23 baris dan setiap baris pula mengandungi antara 9 hingga 15 patah perkataan. Manuskrip ini berukuran 14 x 20cm dan tidak dicatatkan tahun penulisannya. Manuskrip ini juga ditulis dalam bahasa Arab-Melayu (Jawi) dengan menggunakan tulisan tangan dan khat bebas. Kaedah ejaaannya, menggunakan kaedah Melayu lama, seperti perkataan arta (harta), anugerahi (anugerah), menengar (mendengar), menjalan (berjalan), memaja (membaca), membinasakan (membinasakan) dan sebagainya.
2. Manuskrip Kod No. MS 1314C yang ditemui di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur. Ia dicetak dengan menggunakan kertas Laid Eropah yang berukuran 15.3 x 21.5cm. Setiap halaman mengandungi 23 baris dan setiap baris pula mengandungi antara 14 hingga 17 patah perkataan. Ia bermula pada halaman 45 hingga halaman 118. Hadith-hadith Nabi saw ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah dan tulisan lainnya dengan warna hitam. Tahun dan juga tempat penulisannya tidak dicatatkan.
3. Koleksi peribadi Shamsul Anwar daripada Aceh yang ditulis pada tahun 1193H di Negeri Nabag, Fatan yang merupakan salinan daripada teks asal *“Umdat al-Muhtajin”* di Negeri Mekah. Ia dicetak dengan menggunakan kertas Laid Eropah dan tidak ditulis nombor bilangan bagi setiap halaman, namun setelah dihitung dan disemak, bilangan halaman keseluruhannya berjumlah 122 halaman. Setiap satu halaman mengandungi 17 baris dan setiap baris pula mengandungi antara 9 hingga 12 patah perkataan. Manuskrip ini berukuran 14.5 x 19.5cm. Ia ditulis dalam bahasa Arab-Melayu (Jawi) dengan menggunakan tulisan tangan dan khat *riq’ah*. Perkataan Arab ditulis menggunakan dakwat berwarna merah dan tulisan lainnya dengan menggunakan dakwat berwarna hitam.

4. Koleksi peribadi Shamsul Anwar daripada Aceh yang disalin oleh Tengku Bahit di Zawiyah Tengku Lam Bantit. Ia dicetak dengan menggunakan kertas Laid Eropah yang berukuran 16.5 x 21cm. Sebahagian besar halamannya telah hilang dan rosak. Nombor bilangan bagi setiap halaman tidak ditulis, namun setelah dihitung dan disemak, bilangan halaman yang berbaki berjumlah 105 halaman. Setiap satu halaman mengandungi 19 baris dan setiap baris pula mengandungi antara 8 hingga 10 patah perkataan. Ditulis menggunakan khat bebas. Hadith-hadith Nabi saw ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah dan tulisan lainnya dengan menggunakan dakwat berwarna hitam. Tahun penulisannya tidak dicatatkan.
5. Koleksi peribadi Shamsul Anwar daripada Aceh, salinan daripada seseorang di Lam Kareng tanpa dinukilkan nama penulis dan tempat penulisannya. Ia dicetak dengan menggunakan kertas Laid Eropah yang berukuran 15.5 x 16.5cm. Setelah dihitung ia mempunyai 60 halaman. Setiap halaman mengandungi 23 baris dan setiap baris pula mengandungi antara 16 hingga 17 patah perkataan. Ditulis menggunakan khat bebas. Setiap perkataan Arab ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah dan perkataan lainnya ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna hitam (Mohd Syukri Yeoh Abdullah et al, 2009: 158-160).

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa setiap manuskrip menukilkan pembincangan yang sama dan ia hanya berbeza dari sudut versi. Sungguhpun begitu, manuskrip yang bernombor tiga adalah asas dan pelengkap kepada manuskrip-manuskrip yang lain kerana ia disalin secara langsung daripada teks asal *‘Umdat al-Muhtajin* di Negeri Mekah.

### **III. Kandungan Teks Manuskrip *‘Umdat Al-Muhtajin***

Manuskrip *‘Umdat al-Muhtajin* ini telah dimulai dengan lafaz *Basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), puji-pujian kepada Allah SWT serta selawat dan salam terhadap Rasulullah s.a.w, kaum kerabat dan sekalian sahabat Baginda s.a.w, sebagaimana kalamnya:

*Aku memulai membaca kitab ini segala puji thabit bagi Allah, Tuhan sekalian alam, dan rahmat Allah, dan salamnya atas penghulu kita, Nabi Muhammad dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya sekalian (Hlm: 1)*

Kaedah ini adalah selaras dengan anjuran Nabi SAW supaya setiap perkara yang dilakukan hendaklah dimulai dengan lafaz *basmalah*, sebagaimana hadith yang diriwayat oleh al-Suyuti (1938, 5: 11) daripada Abu Hurayrah R.A, iaitu:

كُلُّ أَمْرٍ لَا يُبْدِأُ فِيْهِ بِسْمِ اللَّهِ فَهُوَ أَبْتَرٌ

Maksudnya:

*Setiap perkara yang tidak dimulai dengan بِسْمِ اللَّهِ adalah terputus.*

Seterusnya, perkataan “*Amma Ba‘d*” diguna sebagai penanda bagi memulakan perbahasan kitab. Setelah itu, Shaykh Abdul Rauf menjelaskan sebab dan tujuan manuskrip ini ditulis, iaitu untuk memberi manfaat dan kemudahan kepada para *salik* yang menuju kepada Allah s.w.t. selain untuk mencari ganjaran pahala di sisi-Nya. Sebagaimana kata beliau:

*Ku suratkannya dengan bahasa Jawi, padahal aku memudahkan atas segala fakir yang mengikut dan padahal aku menuntut pahala yang amat besar daripada Tuhan (Hlm: 1).*

Perbincangan seterusnya adalah berkisar tentang bab-bab yang menjadi judul perbahasan dalam teks manuskrip ini. Ia terbahagi kepada tujuh bab utama, iaitu:

1. Penjelasan tentang seawal-awal perkara wajib atas seseorang mukalaf serta tentang segala sifat yang wajib, mustahil, dan harus pada Haq Allah SWT serta segala sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada setiap pesuruh Allah SWT.
2. Penjelasan tentang adab-adab zikir dan sebahagian dari kaifiyat-kaifiyatnya.
3. Penjelasan tentang sebahagian hadith-hadith yang menjelaskan kelebihan *La Ilaha IllalLah*.
4. Penjelasan tentang faedah-faedah yang terhasil bagi pengamal zikir yang karam dengan kalimah *La Ilaha Illallah*.
5. Penjelasan tentang asal usul pengtalqinan *La Ilaha Illallah* oleh shaykh kepada muridnya dan penjelasan tentang kaifiyat talqin dan bay‘at.
6. Penjelasan tentang perkara yang sewajarnya kekal diamalkan oleh orang yang berjalan di jalan Allah seperti amalan solat sunat dan wirid-wirid .
7. Menyebut tentang sebahagian sifat ahli tarekat Syattariyyah dan hal ehwal keadaan mereka serta menyatakan sebahagian daripada penyifatan oleh Nabi SAW terhadap orang mukmin. Wasiat membaca ayat *al-Hirs* dan doa-doanya.

Setiap bab yang dinukilkan telah membahaskan ruang lingkupnya yang tersendiri. Perbahasan yang saling berkait dan berhubung di antara satu sama lain telah menjadikan manuskrip ini cukup sempurna apabila di amati.

#### **IV. Metode Hadith Dalam Teks Manuskrip <sup>C</sup>Umdat Al-Muhtajin**

Hadith-hadith di dalam manuskrip <sup>C</sup>Umdat al-Muhtajin telah dipersembah oleh Shaykh Abdul Rauf dengan beberapa tema, antaranya tauhid, feqah dan juga tasawuf. Setiap perbincangannya telah dihujah dengan hadith dan juga nas al-Quran sebagai penyokong dan penguat kepada kenyataan tersebut. Sebahagian besar daripada hadith tersebut telah dicatat dengan menggunakan bahasa Arab dan diikuti dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu (jawi). Manakala sebahagian lain pula hanya dicatat dengan menggunakan bahasa Melayu (jawi) tanpa dinukil teks bahasa Arabnya. Terdapat juga hadith-hadith yang di catat itu bercampur di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Perbahasan-perbahasan yang sukar untuk di fahami telah di hurai dan di syarah oleh Shaykh Abd Rauf bagi memudahkan masyarakat dalam memahami maksud yang ingin di sampaikan. Selain itu, terdapat juga perbahasan yang tidak dihuraikan oleh beliau dan hadith-hadithnya hanya disusun mengikut tertib perbahasan bagi memberi faham maksud yang ingin di sampaikan oleh beliau.

Ketika menukilkan hadith pula, Shaykh Abdul Rauf tidak mempunyai metode yang khusus malah beliau telah menggunakan kaedah yang tersendiri, antaranya:

1. Hanya dicatat “Sabda Nabi s.a.w”, kemudian disusuli dengan matan hadithnya, contohnya: Sabda Nabi SAW:

من قال لا إله إلا الله مخلصا دخل الجنة

2. Menyebut nama sahabat yang meriwayatkan hadith, kemudian disusuli dengan matan hadithnya, contohnya: Daripada Ibn Zubair:

وكان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا سلم من صلواته يقول بصوته الأعلى لا إله  
إلا الله وحده لا شريك له

3. Menyebut matan hadith, tanpa menyebut nama sahabat yang meriwayatkannya, contohnya: *setengah daripada segala sahabat Nabi r.hum*:

من قال لا إله إلا الله خالصا من قلبه ومدحها بالتعظيم غفرله اربعة آلاف ذنب من  
الكبار قيل فإن لم تكن له هذه الذنوب قال غفرله من ذنوب أبيه وإهله وجيرانه

4. Menyebut hukum hadith, kemudian menyatakan matan hadith, contohnya: *Setengah daripada hadith saih, demikian bunyinya*:

اذكروا الله حتى يقولوا محنون

5. Terus dinyatakan matan hadith tanpa menyebut perawi dan hukumnya, contohnya: Pada suatu hadith:

اذكروا الله حتى يقول المنافقون أنكم مرأون

6. Menyatakan sumber rujukan bagi hadith tersebut, kemudian menukilkan matan hadithnya dalam bahasa Arab, contohnya: *Seperti mana hadith di dalam Jami' al-Kabir, demikian bunyinya*:

إن من العلم كهيئة المكتنون لا يعلمه إلا العلماء بالله فإذا انطقو لا ينكرو إلا أهل  
بالله

7. Menyatakan sumber rujukan bagi hadith tersebut, kemudian menjelaskan matan hadithnya secara makna, contohnya: *tersebut dalam Sanusi, pada suatu riwayat hadith*:

“Barang siapa mengatakan la ilaha illalLah tujuh puluh ribu kali nescaya adalah ia akan dindingnya daripada api neraka”.

## V. Nilai-Nilai Hadith Dalam Manuskrip *Umdat Al-Muhtajin*

Sebagaimana karya-karya ilmiah para ulama yang lain, Shaykh Abdul Rauf juga turut menjadikan kitab-kitab muktabar sebagai rujukan utama beliau dalam pengambilan nas-nas dalil dan hukum. Di antara kitab-kitab rujukan tersebut adalah, *Šahih al-Bukhari*, *Šahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidzi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad Ahmad Ibn Hambal*, *al-Mustadrak al-Ḥakim*, *Mu'jam al-Kabīr al-Tabaraniyy*, *al-Mu'jam al-Awsat al-Tabaraniyy*, *Hilyah al-Awliya'* oleh Abū Nu'aym al-Asbahaniyy, *al-Ibanah al-Kubra* oleh Ibn Baṭāḥ (387H), *al-Risalah al-Ash'ariyyah* oleh al-Bayhaqi, *al-Hujjah* oleh Nasr al-Maqdisi, *Sharh Šahih Muslim* oleh Imam al-Nawawi, *Muwatta' Imam Malik*, *Jamī' al-Saghīr* oleh al-Imam al-Sayuti dan lain-lainnya.

Setelah meneliti dan mengkaji hadith-hadith yang terdapat di dalam teks manuskrip *Umdat al-Muhtajin* maka kajian telah mendapat terdapat beberapa kategori hadith padanya, seperti hadith *sahih*, hadith *sahih li ghairih*, hadith *hasan*, hadith *hasan li ghairih*, hadith *da'iif*, hadith *mauduk*, hadith *mungkar* dan hadith yang tidak di ketahui statusnya.

Berikut merupakan beberapa contoh dan juga status bagi hadith yang terdapat di dalam teks manuskrip *Umdat al-Muhtajin* berserta perbahasannya secara ringkas.

### 1-Hadith *sahih*:

Sabda Nabi SAW:

من قال لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد بيده الخير وهو على كل  
شيء قادر كان له عدل رقبة من ولد إسماعيل وكتب له بها عشر حسنات وحط عنه بها  
عشر سيئات ورفع له بها عشر درجات وكان في حرب من الشيطان حتى يسمى وان قالها  
إذا أمسى كان له مثل ذلك حتى يصبح

Maksudnya:

Barangsiapa membaca: "لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لِهِ الْمُلْكُ وَلِهِ الْحَمْدُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ كَانَ لَهُ عَدْلٌ رَقْبَةٌ مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ وَكُتُبٌ لَهُ بِهَا عَشْرٌ حَسَنَاتٌ وَحَطَّ عَنْهُ بَهَا  
عَشْرٌ سَيِّئَاتٌ وَرَفَعَ لَهُ بِهَا عَشْرٌ دَرْجَاتٍ وَكَانَ فِي حَرْبٍ مِنَ الشَّيْطَانِ حَتَّىٰ يُسَمَّى وَإِنْ قَالَهَا  
إِذَا أَمْسَى كَانَ لَهُ مِثْلُ ذَلِكَ حَتَّىٰ يَصْبَحَ"

Shaykh Abd Rauf tidak mencatatkan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah. Kitab al-Du'at. Bab Ma Yad'u Bihi al-Rajulu Idha Asbah Wa Idha Amsa. Jld 5 hlm 34* hadith no. 3867.

Selain itu, ia juga turut di riwayat oleh Abi Dawud dalam *Sunan Abi Dawud. Kitab al-Adab Abwab al-Naum. Bab Ma Yaqul Idha Asbah. Jld 7 hlm 411* hadith no. 5077.

Al-Nasa'i dalam *al-Sunan al-Kubra. Kitab 'Amal al-Yaum Wa al-Lailah, Thawab Man Qala Dhalika Mi'ah Marrah. Jld 9 hlm 17* hadith no. 9771.

Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal. Musnad al-Madaniyyin. Hadith Abi 'Iyash al-Rizqy. Jld 27 hlm 123* hadith no. 16583.


Al-Tabaraniyy dalam *al-Mu'jam al-Kabir. Bab al-Zai Min Ismuhu Zaid. Zaid bin al-Samat Abi 'Iyash al-Rizqy. Jld 5 hlm 217* hadith no. 5141.

Ibn Majah, Abi Dawud, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal dan al-Tabaraniyy telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Abi 'Iyash al-Rizqy kepada Dhakwan Abu Salih al-Saman, kepada Suhail bin Abi Salih, kepada Hamad bin Salamah. Bermula daripada Hamad bin Salamah, jalur sanad ini telah berpecah kepada tiga, iaitu:

1. Daripada Hamad bin Salamah kepada Hujjaj bin al-Minal. Daripada Hujjaj bin al-Minal mula berpecah kepada dua, iaitu:
  - a. Kepada 'Aliyy bin 'Abd al-'Aziz
  - b. Kepada Abu Muslim al-Kashiyy
2. Daripada Hamad bin Salamah kepada Musa bin Isma'il
3. Daripada Hamad bin Salamah kepada al-Hasan bin Musa. Daripada al-Hasan bin Musa pula berpecah kepada dua, iaitu:

- Kepada Abu Bakr
- Kepada Ibrahim bin Ya'kub

Berikut adalah gambar rajah bagi jalur sanad hadith ini:



Menurut al-Tibrizi (1985, 2: 740) dan Shu'aib al-Arnaut (2009, 7: 411), hadith ini adalah *sahih*. al-Nawawi (2004, 1: 163) telah mencatat dalam kitabnya *al-Adzkar* bahawa sanad hadith ini adalah *jayyid*.

Selain itu, menurut Shu'aib al-Arnaut (2009, 7: 411), Himad adalah Ibn Salamah dan beliau adalah seorang yang *thiqah*. Manakala Wahib pula adalah Ibn Khalid bin 'Ijlan. Selain itu, Sahl adalah Ibn Abi Salih al-Saman.

## 2-Hadith *sahih li ghairih*:

Sabda Nabi SAW:

المؤمن من أهل الإيمان بمنزلة الرأس من الجسد يأْلم المؤمن لأهل الإيمان كما يأْلم الجسد  
لما في الرأس

Maksudnya:

*Yang mukmin itu daripada segala ahl al-iman umpama kepala daripada tubuh kesakitan mukmin itu kerana kesakitan ahl al-iman seperti sakit tubuh kerana sakit pada kepala.*

Shaykh Abd Rauf tidak menyatakan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal*. *Musnad al-Ansar*. *Hadith Abi Malik Sahl bin Sa'd al-Sadiyy*. Jld 37 hlm 517 hadith no. 22877.

Selain itu, ia juga turut di riwayat oleh al-Tabaraniyy dalam *al-Mu'jam al-Kabir*. *Min Ismuhi Sahl Wa Mimma Asnad Sahl bin Sa'd*. *Mus'ab bin Thabit bin 'Abdullah bin al-Zubayr* 'An Abi Hazim. Jld 6 hlm 131 hadith no. 5743.

Ahmad bin Hanbal dan al-Tabaraniyy telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Sahl bin Sa'd al-Sadiyy menerusi 'Aliyy bin 'Abd al-Aziz, daripada Ahmad bin al-Hujjaj al-Marwaziyy, daripada Ibn Mubarak, daripada Mus'ab bin Thabit, daripada Abu Hazim, daripada Sahl bin Sa'd, daripada Rasulullah s.a.w. Menurut Ahmad perawi-perawi hadith ini adalah *sahih* melainkan 'Abdullah bin Thabit, beliau adalah *thiqah*. Selain itu, ia turut di riwayat oleh al-Tabaraniyy dalam "al-Ausad" dan "al-Kabir". Menurut beliau, perawi-perawi hadith ini adalah *sahih* melainkan Sawwar bin 'Umarah dan beliau adalah *thiqah* (al-Haithami, 1986, 8: 90).

Menurut al-Albani (1995, 6: 66), hadith ini tidak mengapa jika dijadikan sebagai *shawahid* kerana perawi-perawinya adalah *thiqah*, perawi-perawinya juga adalah daripada susur galur al-Bukhariyy melainkan Mus'ab bin Thabit, dan beliau adalah *layyin al-hadith*.

Mus<sup>c</sup>ab bin Thabit bin al-Zubayr bin al-<sup>c</sup>Awam al-Qurashi adalah seorang perawi yang *da<sup>c</sup>if*. Isnad hadith ini *da<sup>c</sup>if* kerana terdapatnya beliau (Shuaib al-Arnud, 1999, 37: 517). Manakala <sup>c</sup>Aliyy bin <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Aziz al-Baghawi al-Hafiz adalah *thiqah*, tetapi kalamnya perlu diperhalusi. Menurut al-Daruqutni pula beliau adalah *thiqah ma'mun* (Ibn Hajar, 1971, 4:241; al-Dhahabi, 1963, 3: 143). al-Albani (1979, 6: 7) telah menilai status hadith ini sebagai *hasan*.

Walaupun begitu, terdapat hadith *sahih* yang di riwayat oleh Imam Muslim, yang dapat di jadikan sebagai *mutaba'at* bagi hadith ini, iaitu:

**المسلمون كرجل واحد إن اشتكي عينه اشتكي كله وإن اشتكي رأسه اشتكي كله**

Maksud:

*Orang Islam adalah seumpama satu anggota, jika mata itu mengalami kesakitan maka seluruh tubuh akan turut merasainya, dan jika kepala mengalami kesakitan maka seluruh tubuh akan turut merasai kesakitannya.*

Sehubungan itu, kajian menilai hadith ini sebagai *sahih li ghairih* berdasarkan kepada kenyataan dan *mutaba'at* di atas.

### **3-Hadith hasan:**

Sabda Nabi SAW:

**المؤمن غر كريم والفاجر حب لئيم.**

Maksudnya:

*Yang mukmin itu menerima kata karim (mulia) dan yang fasik itu menyangka jahat lagikan caci.*

Shaykh Abd Rauf tidak menyatakan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi al-Jami<sup>c</sup> al-Sahih. al-Dhabaih Abwab al-Birr Wa al-Silah An Rasulillah s.a.w, Bab Ma Ja'a Fi al-Bakhil. Jld 5 hlm 344 hadith 1964.*


Selain itu, ia turut di riwayat oleh Abu Dawud dalam *Sunan Abi Dawud. Kitab al-Adab, Bab Fi Husni al-Ishrah. Jld 4 hlm 251 hadith no 4790.*

Dan juga oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak <sup>c</sup>Ala al-Sahihain. Kitab al-Iman Ama Hadith Ma<sup>c</sup>mar. jld 1 hlm 103 hadith no. 128 & 129; Kitab al-Iman Fa Amma Hadith Abi Shihab. Jld 1 hlm 104 hadith no. 130-132.*

Al-Tirmidhi, Abu Dawud dan al-Hakim telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Abi Hurayrah, kepada Abi Salamah. Bermula daripada Abi Salamah jalur sanad telah berpecah kepada dua, iaitu:

1. Daripada Abi Salamah kepada Rajulun, kepada al-Hujjaj bin Farafisah, kepada Sufyan al-Thauriyy, kepada Abu Ahmad, kepada Nasr bin <sup>c</sup>Aliyy.
2. Daripada Abi Salamah kepada Yahya bin Abi Kathir. Bermula daripada Yahya bin Abi Kathir jalur sanad berpecah kepada dua, iaitu:
  - a. Daripada Yahya bin Abi Kathir kepada Abi al-Asbat al-Harithi, kepada <sup>c</sup>Abdullah bin Husain bin <sup>c</sup>Ata', kepada Kharijah bin Mus<sup>c</sup>ab bin Kharijah al-Dab<sup>c</sup>iyy, kepada Yahya bin Bakr bin <sup>c</sup>Abd al-Rahman, kepada Isma<sup>c</sup>il bin Qutaibah, kepada Abu Bakr bin Ishaq al-Faqih.
  - b. Daripada Yahya bin Abi Kathir kepada Bashir bin Rafi<sup>c</sup>, kepada <sup>c</sup>Abd al-Razzaq. Bermula daripada <sup>c</sup>Abd al-Razzaq jalur sanad telah berpecah kepada dua, iaitu:
    1. Daripada <sup>c</sup>Abd al-Razzaq kepada Muhammad bin Rafi<sup>c</sup>.
    2. Daripada <sup>c</sup>Abd al-Razzaq kepada Muhammad bin Mutawakkil al-<sup>c</sup>Asqalaniyy.

Berikut adalah gambar rajah jalur sanad bagi hadith ini:



Menurut Abu <sup>c</sup>Isa hadith ini adalah *gharib* dan tidak diketahuinya melainkan daripada *wajh* ini (al-Tirmidhi, 1975, 4: 344).

Menurut al-Hafiz Salah al-Din bin al-<sup>c</sup>Ala'i: "Bashir bin Rafi<sup>c</sup> telah di *da<sup>c</sup>ifkan* oleh Ahmad bin Hanbal, dan menurut Ibn Ma<sup>c</sup>in *laisa bihi ba'sa*". Manakala menurut Ibn <sup>c</sup>Ady: "Aku tidak mendapat hadith ini adalah *mungkar*, dan begitu juga dengan Hajjaj bin Furafisah *laisa bihi ba'sa* sebagaimana yang dicatat oleh Abu Dawud dan Bayhaqi di dalam kitab mereka".

Menurut Abu Hatim pula, beliau adalah *Shaykh salih muta<sup>c</sup>abbad*. Dan menurut Abu Zar<sup>c</sup>ah, beliau *laisa bil Qawi*. (Nasir bin Muhammad bin Hamid al-Gharibi, 1424, 1: 474).

Al-Albani (2000c, 2: 703; 1979, 6: 6) telah menilai status hadith ini sebagai *hasan*, manakala Abu Dawud dan al-Tirmidhi pula menilainya sebagai hadith *gharib*.

Menurut al-Hafiz, Abu Dawud tidak mendaifkan riwayat daripada kedua-dua mereka (Bashir bin Rafi<sup>c</sup> dan Hajjaj bin Furafisah). Dalam riwayat yang lain, al-Albani ketika mentahqiqkan kitab *Sahih al-adab al-Mufrad lil Imam al-Bukhariyy* telah menilai hadith ini sebagai *sahih* (al-Bukhariyy, 1997, 1: 162).

#### **4-Hadith Hasan li Ghairih:**

Setengah daripada hadith *sahih*, demikian bunyinya:

اذكروا الله حتى يقولوا مجنون

Maksudnya:

*Zikir kamu akan Allah hingga dikata mereka itu gila.*

Shaykh Abdul Rauf tidak mencatatkan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah riwayat oleh Ibn Hibban dalam *Sahih Ibn Hibban. kitab al-Raqaiq bab al-Adhkar, dhikr Istihibbab al-Istihtarr Lil Mar'a Bi Dhikr Rabbih Jalla Wa<sup>c</sup>ala*. Jld 3 hlm 99 hadith no. 817.

Demikian juga, ia turut di riwayat oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak <sup>c</sup>Ala al-Sahihain. Bismilla al-Rahman al-Rahim Awwalu Kitab al-Manasik Kitab al-Du<sup>c</sup>a*'. jld 1 hlm 677 hadith no. 1839.

Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal. Wamin Musnad Bani Hashim Musnad Abi Sa<sup>c</sup>id al-Khudri r.a.* jld 18 hlm 212 hadith no. 11674 dan

Al-Bayhaqi dalam *Shu<sup>c</sup>ab al-Iman. Fasl Fi Idamah Dhikr Allah Jalla Wa<sup>c</sup>ala*. Jld 2 hlm 64 hadith no. 523.

Kesemua jalur sanad hadith ini adalah menerusi Abi Sa<sup>c</sup>id al-Khudri. Hadith yang di riwayat oleh Ibn Hibban, Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim terdapat tambahan lafaz *aksiru* (اَكْتُرُو) pada awal matan tersebut. Manakala lafaz yang lainnya adalah sama sebagaimana yang di nukil oleh Shaykh Abd Rauf.


Hadith ini telah di riwayat oleh Abi Sa<sup>c</sup>id al-Khudry, kepada Abi al-Haitham, kepada Aba al-Samh. Bermula dengan Aba al-Samh jalur sanad telah berpecah kepada dua, iaitu:

1. Kepada Ibn Lahi<sup>c</sup>ah, kepada Hasan (riwayat Ahmad bin Hanbal).
2. Kepada <sup>c</sup>Amru bin al-Harith, kepada <sup>c</sup>Abdullah bin Wahab, kepada Abu al-Tahir.

Bermula dengan Abu al-Tahir jalur sanad terpecah kepada tiga, iaitu:

1. Kepada <sup>c</sup>Umar bin Muhammad al-Hamdany (riwayat Ibn Hibban).
2. Kepada Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il, kepada Muhammad bin Salih, kepada Ahmad bin <sup>c</sup>Isa, kepada Muhammad bin Ayub, kepada <sup>c</sup>Abdullah bin Musa, kepada Sa<sup>c</sup>id bin Kathir dan Asbagh bin al-Faraj, kepada Abu Bakr bin <sup>c</sup>Abdullah al-Shafi'iy, kepada Abu <sup>c</sup>Abdullah al-Hafiz (riwayat al-Bayhaqi).
3. Kepada Sa<sup>c</sup>id bin Kathir dan Asbagh bin al-Faraj, kepada Abu Bakr bin <sup>c</sup>Abdullah al-Shafi'iy (riwayat al-Hakim).

Berikut merupakan gambar rajah bagi jalur sanad hadith tersebut:



Isnad hadith ini di nilai sebagai *da'if* kerana terdapat Diraj iaitu Ibn Sam'an Abu al-Samh pada jalur sanad tersebut (Shuaib al-Arnut, 1988, 3: 99; 1999, 18: 195; al-San'ani, 2011, 3: 54; al-Haithami, 1986, 10: 79-79). Diraj banyak melakukan kemungkaran dalam periyawatan hadith dan *jama'ah* telah menda'ifkannya (Shuaib al-Arnut, 1999, 18: 195-196). Berkata Ahmad: *ahadithuhu manakir wa layyinahu*. Berkata Yahya: *laisa bii ba's*. Menurut setengah riwayat: *thiqah*. Berkata al-Nasa'i: *mungkar al-hadith*. Berkata Abu Hatim: *da'if* (al-Albani, 1992, 2: 9-10). Menurut Ahmad hadith ini *mungkar* tetapi Abu Ma'in telah *thiqah* terhadap beliau (Diraj), dan al-Daruqutni pula telah meninggalkan periyawatan daripadanya. al-Hafiz telah mencatat dalam "al-Taqrib" bahawa beliau adalah *saduq* (al-San'ani, 2011, 3: 54). Justeru, selepas mengambil kira perbahasan tersebut, hadith ini di hukumkan sebagai *da'if*.

Sungguhpun demikian, terdapat dalil lain yang dapat dijadikan sebagai *shawahid* dan *mutaba'at* terhadap hadith ini, seperti ayat al-Quran dan juga hadith yang sama maksud dengannya, iaitu:

Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْأَخِرَ وَذَكْرَ اللَّهِ كَثِيرًا

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Surah al-Ahzab, ayat 41-42:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang.

Manakala matan hadith yang memberi pengertian dan maksud yang sama sebagaimana matan di atas pula, adalah:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "لا يزال لسانك رطبا من الله عز وجل"

Maksudnya:

*Hendaklah lidahmu selalu basah dengan berdhikr kepada Allah <sup>c</sup>Azzawajalla.*

Hadith ini diakui sebagai *sahih* dan ia telah di riwayat oleh Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal*. *Musnad al-Shamiyyin*. Hadith <sup>c</sup>Abdullah bin Busr al-Maziniyy. Jld 29 hlm 226 hadith no. 17680, jld 29 hlm 240 hadith no. 17698.

Al-Hakim dalam *al-Mustadrak <sup>c</sup>Ala al-Sahihain*. *Bismilla al-Rahman al-Rahim Awwalu Kitab al-Manasik Kitab al-Du<sup>c</sup>a'*. Jld 1 hlm 672 hadith no. 1822.

Al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi al-Jami<sup>c</sup> al-Sahih. al-Dhaba'i Abwab al-Da<sup>c</sup>wat <sup>c</sup>An Rasulillah SAW. Bab Ma Ja'a Fi Fadl al-Dhikr*. Jld 5 hlm 457 hadith no. 3375.

Justeru, status hadith ini di nilai sebagai *hasan li ghairih* berdasarkan kepada pendapat daripada Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani dan *shawahid* dan *mutaba'at* daripada al-Quran dan hadith.

##### **5-Hadith daif (daif isnad):**

Sabda Nabi SAW:

مَنْ قَالَ بَعْدَ الصَّلَاةِ الصَّبَحَ أَشْهَدَ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَهٌ وَاحِدٌ صَمْدًا لَمْ يَتَخَذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَفُواً أَحَدٌ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَرْبَعِينَ أَلْفَ حَسَنَةٍ

Maksudnya:

*أَشْهَدَ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَهٌ وَاحِدٌ صَمْدًا لَمْ يَتَخَذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَفُواً أَحَدٌ*  
*Barang siapa membaca kemudian sembahyang subuh: <sup>c</sup>An nescaya disuratkan Allah baginya empat puluh ribu kebajikan.*

Shaykah Abd Rauf tidak mencatatkan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi al-Jami<sup>c</sup> al-Sahih. al-Dhaba'i Abwab al-Da<sup>c</sup>wat*

<sup>c</sup>An Rasulillah SAW. Bab Ma Ja'a Fi Fadl al-Tasbih wa al-Takbir wa al-Tahlil wa al-Tahmid. Jld 5 hlm 514 Hadith no. 3473.

Selain itu, ia juga turut di riwayat oleh Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal. Musnad al-Shamiyyin. Hadith Tamim al-Dariyy*. Jld 28 hlm 151 hadith no. 16952.

Al-Tabaraniyy dalam *al-Mu'jam al-Kabir. Bab al-Ta' Ma Asnad Tamim al-Dariyy*. Jld 2 hlm 57 hadith no. 1278.

Al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan al-Tabaraniyy telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Tamim al-Dariyy kepada Azhar bin <sup>c</sup>Abdullah, kepada al-Khalil bin Murrah, kepada Laith bin Sa<sup>c</sup>id. Bermula daripada Laith bin Sa<sup>c</sup>id jalur sanad telah berpecah kepada tiga, iaitu:

1. Daripada Laith bin Sa<sup>c</sup>id kepada <sup>c</sup>Isa bin Hamad Zughbah, kepada Ahmad bin Rushdayn al-Misriyy.
2. Daripada Laith bin Sa<sup>c</sup>id kepada Qutaybah.
3. Daripada Laith bin Sa<sup>c</sup>id kepada Ishaq bin <sup>c</sup>Isa.

Matan hadith yang di riwayat al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan al-Tabaraniyy tidak terdapat kalimah *ba<sup>c</sup>d al-salah al-subh* selepas kalimah *man qala* (من قال). Selain daripada itu, terdapat beberapa tambahan lafadz pada matan mereka, iaitu lafadz *ahada* (أحدا) selepas kalimah *ilahan wahida* (إله واحدا), <sup>c</sup>ashara marrat (عشر مرات) selepas kalimah *walam yakun lahu kufwan ahad* (ولم يكن له كفواً أحداً) dan pengulangan lafadz *alfan* (ألف) selepas kalimah *alfan* (ألف) pada matan hadith al-Tirmidhi, dan tidak pada matan hadith Ahmad bin Hanbal dan al-Tabaraniyy.

Menurut al-Tirmidhi (1975, 5: 514), hadith ini adalah *gharib*. Tidak di ketahuinya melainkan menerusi sanad ini. Khalil bin Murrah *laisa bil qawiyy <sup>c</sup>inda ashab al-hadith*. Menurut Imam al-Bukhariyy, beliau adalah *mungkar al-hadith*.

Shuaib al-Arnaut (1999, 28: 151) telah menyebut bahawa isnad hadith ini adalah *da<sup>c</sup>if* kerana terdapat Khalil bin Murrah. Beliau adalah al-Daba<sup>c</sup>iyy al-Basry. Al-Azhar bin <sup>c</sup>Abdullah *lam yasma<sup>c</sup> min Tamim al-Dariyy. Wa baqiyah rijaluhu thiqah rjal al-sahih* (al-Azhar bin <sup>c</sup>Abdullah tidak mendengar hadith ini daripada Tamim al-Dariyy, manakala perawi-perawi yang lain adalah *thiqah*, berdasarkan syarat *al-sahih*). Menurut al-Tirmidhi (1975, 5: 514), al-Albani telah menilai hadith ini sebagai *da<sup>c</sup>if*.

Justeru, kajian juga turut cenderung dalam menilai hadith ini sebagai *da<sup>c</sup>if isnad* kerana terdapat perawi yang telah di hukumkan sebagai *da<sup>c</sup>if* pada jalur sanad tersebut. Manakala perawi yang lain pula di akui sebagai *thiqah*.

#### 6-Hadith mauduk:

Sabda Nabi SAW:

مَنْ قَرَأَ يُسْ كَتَبَ اللَّهُ بِقِرَائِهِ قِرَاءَةَ الْقُرْآنِ عَشْرَ مَرَاتٍ

Maksudnya:

Barang siapa membaca surah Yasin nescaya disuratkan Allah Ta<sup>c</sup>ala akan dia dengan sebab membaca dia itu seperti pahala membaca Quran sepuluh kali.

Shaykh Abd Rauf tidak menyatakan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi al-Jami<sup>c</sup> al-Sahih. al-Dhabaih Abwab Fadail al-Quran* <sup>c</sup>An Rasulillah SAW. Bab Ma Ja'a Fi Fadl Yasin. Jld 5 hlm 12 hadith no. 2887.

Selain itu, ia turut di riwayat oleh al-Darimi dalam *Sunan al-Darimi. Wamin Kitab Fadail al-Quran. Bab: Fi Fadl Yasin*. Jld 4 hlm 2149 hadith no. 3459.

Al-Tirmidhi dan al-Darimi telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Anas bin Malik, kepada Qatadah, kepada Maqatil bin Hayyan, kepada Harun Abi Muhammad, al-Hasan bin Salih. Bermula daripada al-Hasan bin Salih jalur sanad telah berpecah kepada dua, iaitu:

1. Daripada al-Hasan bin Salih kepada Muhammad bin Sa<sup>c</sup>id.
2. Daripada al-Hasan bin Salih kepada Qutaibah dan Sufyan bin Waki<sup>c</sup>.

Matan hadith di atas adalah sebahagian daripada potongan hadith. Matan penuh bagi hadith ini adalah:

عن أنس ، قال : قال النبي صلى الله عليه وسلم: "إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا ، وَقَلْبَ الْقُرْآنِ يَسِّ ،  
وَمَنْ قَرَأَ يَسِّ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِقِرَاءَتِهَا قِرَاءَةَ الْقُرْآنِ عَشْرَ مَرَاتٍ"

Matan hadith yang di riwayat al-Tirmidhi dan al-Darimi terdapat lafaz *inna likulli shai'u qalban, wa qalbu al-Quran Yasin* (إن لكل شيء قلباً ، وقلب القرآن يس) di awal matan dan juga lafaz *lahu* (الله) selepas kalimah *Allah* (الله). Manakala kalimah yang lain adalah sama sebagaimana yang di catat oleh Shaykh Abd Rauf.

Menurut al-Tirmidhi (1998, 5: 12), *hadha hadith gharib, la na'rifuhu illa min hadith Humaid bin 'Abd al-Rahman, wabil Basrah la ya'rifun min hadith Qatadah illa min hadith al-wajh. Wa Harun Abu Muhammad Shaykh majhul* (hadith ini adalah *gharib*, tidak di ketahuinya melainkan riwayat daripada Humaid bin 'Abd al-Rahman, dan di Basrah menerusi riwayat daripada Qatadah. Harun Abu Muhammad adalah tidak di kenali statusnya).

Al-Albani (T.th, 1: 279) dan al-Manawi (1356H, 2: 513) telah mencatatkan bahawa hadith ini statusnya adalah *maudu'*. Oleh demikian kajian turut menghukumkan hadith ini sebagai *maudu'* berdasarkan kenyataan tersebut.

#### **7-Hadith mungkar:**

Sabda Nabi SAW:

من قال لا إله إلا الله صدقت فلا يردها حجاب حتى تصل إلى الله فإذا وصلت إلى الله نظر إلى  
صاحبها وحق على الله أن لا ينظر إلى موحد إلا رحمه

Maksudnya:

*Barang siapa membaca La Ilaha illalLah nescaya naiklah kalimah la ilaha illalLah itu. Maka tiada mendinding dia suatu dinding jua pun hingga sampai ia kepada Allah Ta'ala. Maka apabila sampailah ia kepada Allah Ta'ala, maka meniliklah Allah Ta'ala dengan tilik rahmat kepada yang menyebut kalimah itu. Dan sebenarnya atas Allah bahawa tiada ia menilik kepada yang menyebut kalimah tauhid itu melainkan dikesihinya akan dia.*

Shaykh Abd Rauf tidak menyatakan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh al-Khatib al-Baghhdady dalam *Tarikh Baghdad. Harf al-Ha' Min Aba' al-'Aliyyin. 'Aliyy bin Husain bin Yazid al-Sudaiyy*. Hadith no. 6271.

Al-Khatib al-Baghhdady telah meriwayat hadith ini daripada jalur sanad Abi Hurayrah menerusi 'Abd al-Malik bin Muhammad bin 'Abdullah al-Wa'iz, daripada Abu 'Aliyy Ahmad bin al-Fadl bin al-'Abbas bin Khuzaimah, daripada 'Aliyy bin al-Husain bin Yazid al-Sudaiyy, daripada al-Walid bin al-Qasim, daripada Yazid bin Kisan, daripada Abi Hazim, daripada Abi Hurayrah, daripada Rasulullah s.a.w.

Hadith ini adalah *gharib* kerana al-Walid meriwayatnya secara perseorangan, walaupun demikian beliau adalah *qawiyy*. Manakala al-Sudaiyy dan anaknya pula sebagaimana aku ketahui mereka berdua *ba'san* (al-Dhahabi, 1990: 282). al-Albani (2000a, 2: 320) telah menghukumkan hadith ini sebagai *mungkar*. Sungguhpun begitu, terdapat lafaz daripada al-Quran yang turut membicarakan tentang perihal hadith ini, iaitu:

إِلَيْهِ يَصْعُدُ الْكَلِمُ الْطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الْصَّالِحُ يَرْفَعُهُ

Maksudnya:

*Kepada Allah lah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul - yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya).*

Ayat tersebut telah menegaskan bahawa setiap perkataan yang baik dan amalan yang soleh akan di angkat kepada Allah s.w.t serta diberikan kemuliaan kepadanya., Justeru, walaupun al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai *mungkar*, makna hadith ini tetap di akui sebagai *sahih* berdasarkan ayat al-Quran di atas. Oleh demikian, hadith ini adalah *mungkar* tetapi maknanya adalah *sahih* berdasarkan ayat al-Quran di atas.

#### 8-Hadith yang tidak di ketahui statusnya:

Sabda Nabi SAW:

من قال لا إله إلا الله خالصا من قلبه ومدحها بالتعظيم غفرله اربعة آلاف ذنب من الكبائر قيل فإن لم تكن له هذه الذنوب قال غفرله من ذنوب أبيه واهله وجيرانه

Maksudnya:

*Barang siapa menyebut kalimah La Ilaha IllalLah pada hal khalis dalam hatinya, dan dilanjutkan ia serta dengan ta<sup>c</sup>zim nescaya di ampun Allah baginya sekira-kira empat ribu daripada segala dosa besar. Maka sembah orang: jika tiada ada baginya segala dosa yang tersebut itu, apa halnya? Maka sabdanya: Diampunkan Allah baginya daripada segala dosa ibu bapanya, dan isi rumahnya dan sekampungnya.*

Shaykh Abdul Rauf tidak mencatatkan sumber bagi hadith ini. Setelah melakukan penelitian, kajian mendapati bahawa hadith ini telah di riwayat oleh al-Samarqandy di dalam *Tanbih al-Ghafilan. Bab Ma Ja'a Fi Fadl La Ilaha IllalLah* tanpa di nukilkan jalur sanadnya. Ia hanya di catat “ruwiya ‘an ba<sup>c</sup>d al-sahabat r.a” (diriwayat daripada sebahagian sahabat r.a).

Al-Samarqandy ketika meriwayatkan hadith ini turut tidak menukarkan perbahasan mengenai status dan perihalnya. Selain itu, ia juga tidak di temui dalam kitab yang lain termasuklah kitab *Mausu<sup>c</sup>ah Atraf al-Hadith al-Nabawiyy al-Sharif*. Oleh demikian, kajian mentawaqufkan perbahasan mengenainya.

## VI. Kesimpulan Kajian

Jika sesebuah hadith itu adalah terlampau lemah iaitu tersangat daif, tetapi terdapat hadith lain yang mencukupi syarat hadith sahih sebagai sokongannya, maka fiqh hadith tersebut boleh diterima kerana berhujah dengan hadith yang mencukupi syarat sahih tersebut, meskipun hadith tersebut adalah palsu. Selain itu, jika hadith yang di riwayatkan oleh sesetengah fuqaha adalah lemah kerana ketiadaan dalil yang lain, atau sebagai jalan berhati-hati, maka boleh beramal dengan syarat tidak menyandarkan kepada Nabi SAW dan tidak bertentangan dengan ijma’ dan qiyas kerana dalil lemah adalah lebih baik daripada fatwa ulama yang tidak bersanad.

Sekiranya hadith tersebut adalah lemah tetapi maknanya diperakui oleh ijma’ Sahabah, maka, boleh beramal bagi mereka yang berhujah dengan ijma’ sahabah seandainya ketandusan dalil dengan syarat tidak menyandarkannya kepada Nabi SAW. Dan sekiranya hadith tersebut adalah bersanggatan lemah tetapi lafadz tersebut terdapat juga di dalam al-Quran, maka boleh dijadikan sebagai dalil dengan syarat tidak disandarkan kepada Nabi SAW dan beramal kerana lafadz tersebut adalah sebagaimana tuntutan di dalam al-Quran. Seumpamanya terdapat sebuah hadith mauduk, iaitu “sesungguhnya solat itu mencegah kemungkaran”. Lafaz yang sedemikian terdapat juga di dalam al-Quran iaitu “sesungguhnya solat itu mencegah fahsyah dan mungkar”. Oleh yang demikian boleh beramal berdasarkan fiqh al-Quran bukannya disandarkan kepada Nabi SAW (Ahamad Asmadi Sakat. 2014). Sehubungan itu, walau selemah-lemah mana hadith tersebut ianya tetap boleh dijadikan sebagai amalan dan tidak boleh di tolak dengan sewenang-wenangnya jika fiqh hadith tersebut mencukupi syarat hadith sahih ataupun nas al-Quran al-Karim.

## Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Abu <sup>c</sup>AbduLlah Ahmad bin Hambal bin Hilal bin Asad al-Shaibani. 1999. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Tahq: Shuaib al-Arnut & <sup>c</sup>Adil Murshid. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
3. Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash<sup>c</sup>at bin Ishaq bin Bashir bin Shidad bin <sup>c</sup>Amru al-Azdy al-Sajistaniyy. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Tahq: Shu<sup>c</sup>aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Bilaly. T.tt: Dar al-Risalah al-<sup>c</sup>Alamiyyah.
4. Abu Zakariya Muhyi al-Din Yahya bin Sharf al-Nawawi. 2004. *al-Adzkar lil Nawawi*. al-Jaffan wa al-Jaby. Dar Ibn Hazim.
5. Ahamad Asmadi Sakat. 2014. “*Manhaj Ulama Dalam Berinteraksi Dengan Hadith-hadith Da<sup>c</sup>if dan Palsu*” Perbentangan Ilmiah, Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
6. Fairuzah Basri, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Salmah Ahmad. 2011. “Pernaskahan manuskrip <sup>c</sup>Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin”. Prosiding Kolokium Siswazah Institut Alam dan Tamadun Melayu Bangi (ATMA) UKM.
7. Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu<sup>c</sup>az bin Ma<sup>c</sup>bad, al-Tamimi, Abu Hatim, al-Darimi, al-Busti. 1987. *al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*. Tahq: Shuaib al-Arnut. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
8. Ibn Majah, Abu <sup>c</sup>Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. 2009. *Sunan Ibn Majah*. tahq: Shu<sup>c</sup>aib al-Arnaut Cet Pertama. T.tt: Dar al-Risalah al-<sup>c</sup>Alamiyyah.
9. Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhary. 1997. *Sahih al-adab al-Mufrad lil Imam al-Bukhary*. Tahq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Cetakan Ke-4. T.tt: Dar al-Siddiq.
10. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Mohammad Fadzeli Jaafar, Wan Nasryudin Wan Abdullah, Salmah Ahmad. 2015. *<sup>c</sup>Umdat al-Muhtajin Panduan Perjalanan Rohani Masyarakat Alam Melayu*. Cetakan Pertama. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

11. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad, Mohammad Fadzeli Jaafar. 2009. *Panduan Individu Menuju Ke Jalan Allah*. Cet Pertama. Selangor: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
12. "Umdat al-Muhajin ila Suluk Maslak al-Mufridin" (محمدة المُهاجِن إلَى سُلُوكِ مَسْلَكِ الْمُفْرِدِين). Kod NO. 09/NKI/YPAH/92. Indonesia. Perpustakaan Ali Hasjmi Banda Aceh.
13. al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1992. *Ahkam al-Janaiz wa Bida'uha*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
14. al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1979. *Sahih al-Jami' al-Saghir Wa Ziyadatih* (*al-Fath al-Kabir*). Bayrut: Maktabah al-Islami.
15. al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 2000c. *Sahih al-Targhib wa al-Tarhib*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
16. al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin al-Haj bin Najati bin Adam. T.th. *Da'if al-Jami' al-Saghir Wa Ziyadatih*. Tahq: Zahir al-Shawish. T.tt: Maktabah al-Islami.
17. al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin al-Haj bin Najati bin Adam. 2000a. *Salsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Maudhu'ah wa Asaruha al-Sayi' Fi al-Ummah*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
18. al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin al-Haj bin Najati bin Adam. 1995. *Salsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Shai'un Min Faqqiha wa Fawa'iduha*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
19. al-Dhahabi, Shamsuddin Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaimaz. 1963. *Mizan al-'I'tidal Fi Naqd al-Rijal*. Tahq: 'Aliyy Muhammad al-Bujawi. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
20. al-Dhahabi, Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaimaz. 1990. *Mu'jam al-Shuyukh li Dhahabi*. Tahq: Ruhiyah 'Abd al-Rahman al-Suyufi. Bayrut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
21. al-Haithami, al-Hafiz Nur al-Din 'Aliyy bin Abi Bakr. 1986. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Bayrut: Muassasah al-Ma'arif.
22. Ibn Hajar al-'Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad bin 'Aliyy bin Muhammad bin Ahmad. 1971. *Lisan al-Mizan*. Tahq: Dairah al-Ma'rif al-Nazamiyah al-Hind. Cetakan Ke-2. Bayrut: Muassasah al-'Alamy Lil Matbu'ah.
23. al-Hakim, Abu 'AbduLlah al-Hakim Muhammad bin 'AbduLlah bin Muhammad bin Hamdawiyyah bin Nu'ain bin al-Hakim al-Dhabi al-Tahmani al-Nisabury. 1990. *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*. Tahq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Cetakan Pertama. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
24. al-Khatib al-Baghdadi, Abi Bakr Ahmad bin 'Aliyy. 1997. Tarikh Baghdad Au Madinah al-Islam. Tahq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
25. al-Manawi, Zain al-Din Muhammad, 'Abd Rauf bin Taj al-'Arifin bin 'Aliyy bin Zain al-'Abidin al-Hadadi. 1938. *Faid al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Cetakan Pertama. Mesir: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
26. al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib bin 'Aliyy al-Kharasani. 2001. *al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq: Shu'aib al-Arnaut. Cet Pertama. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
27. al-San'ani, Muhammad bin Isma'il bin Salah bin Muhammad al-Hasani al-Kahlani. 2011. *al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Tahq: Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim. Cetakan Pertama. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
28. al-Samarqandy, Abu al-Laith Nasr bin Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim. T.th. *Tanbih al-Ghafilin*. Bayrut: Dar al-Jil.
29. al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1424H. *Qut al-Mugtazi 'Ala Jami' al-Tirmidhi*. Tahq: Nasir bin Muhammad bin Hamid al-Gharibi. Risalah al-Dukurat Jami'ah Umma al-Qura, Makkah al-Mukarramah, Kulliyah al-Da'wah wa Usul al-Din, Qism al-Kitab wa al-Sunnah.
30. al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. 1356/1938. Fayd al-Qadir. *Sharh al-Jami' al-Saghir*. Misr: al-Maktabah al-Tijariyyah.
31. al-Tabaraniyy, Sulaiman bin Ahmad bin Ayub bin Matir al-Lakhmi al-Shami. 1994. *al-Mu'jam al-Kabir*. Tahq: Hamdi bin 'Abd al-Majid al-Salafi. Cetakan Ke-2. Kaherah. Maktabah Ibn Taimiyah.
32. al-Tibrizi, Muhammad bin 'Abdullah al-Khatib. 1985. *Mishkat al-Masabih*. Tahq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Cet ke-3. Bayrut: al-Maktabah al-Islami.
33. al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa bin al-Dhahak. 1975. *Sunan al-Tirmidhi*. Tahq: Ahmad Muhammad Shakir & Muhammad Fu'ad 'Abd Baqi. Cetakan Ke-2. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
34. al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa bin al-Dhahak. 1998. *al-Jami' al-Kabir Sunan al-Tirmidhi*. Tahq: Bashar 'Iwad Ma'ruf. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyyah.